

26 FEB 2002

Mahathir-agama/I

PEMIMPIN ISLAM DI M'SIA TAK SELESA DENGAN PERSATUAN PELBAGAI AGAMA,

KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 26 Feb (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Islam masih "kurang selesa" mengenai penubuhan sebuah persatuan pelbagai agama di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk meredakan rasa kurang senang itu, memerlukan masa, kata Perdana Menteri pada satu jamuan anjuran Baroness Uddin di House of Lords yang dihadiri 80 tetamu kebanyakannya Anggota Parlimen.

Dr Mahathir berkata umat Islam konservatif bimbang dipengaruhi ajaran lain tetapi beliau sendiri tidak menghadapi masalah untuk bertemu pemimpin agama lain seperti Buddhist, Kristian, Hindu dan Sikh.

Katanya rakyat Malaysia mengamalkan tradisi rumah terbuka yang membolehkan rakyat saling berkunjung pada sambutan perayaan masing-masing walaupun mereka daripada berlainan agama dan budaya.

Mengenai isu menterjemah teks Kristian ke Bahasa Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan berhati-hati dalam pendekatannya kerana penggunaan istilah yang sama seperti yang digunakan dalam Islam akan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam.

Katanya kitab Injil Sabah dalam Bahasa Malaysia, digunakan secara bebas kerana penduduk di negeri itu sudah biasa dengan istilah yang digunakan dalam kedua-dua kitab.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Islam telah mendapat tanggapan salah di Barat yang menyamakan ekstremisme agama dengan fundamentalisme, sedangkan Islam menganjurkan keamanan dan toleransi.

"Jika kita ikuti rukun Islam yang asas, kita adalah golongan sederhana, menerima dan menghormati perberzaan beragama dan boleh menerima penganut agama lain. Islam bencikan kekacauan," katanya.

Perdana Menteri berkata hampir kesemua umat Islam di Malaysia berpegang kepada prinsip Islam.

"Kami mahu pastikan bahawa pendapat keagamaan yang melampau tidak berleluasa. Kami sudah cukup dibebani masalah untuk cuba menghalang agama disalahguna," katanya.

Dr Mahathir berkata Pas telah menyalahafsir agama dan membidas parti itu kerana pendirian sempitnya terhadap peranan wanita dalam masyarakat.

Ini berlainan sekali dengan galakan yang diberikan oleh Umno agar wanita menyertai sepenuhnya dalam pembangunan negara, dan kesannya ialah wanita Islam turut menyahut cabaran itu, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata wanita di Malaysia memegang jawatan penting dalam semua sektor, seperti Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, dan juga ada yang menjadi juruterbang pesawat pejuang.

Namun, katanya, beliau kurang puas hati dengan sambutan lelaki Islam terhadap pendidikan tinggi kerana sebahagian daripada mereka mengabaikan pelajaran kerana berpolitik.

Katanya 70 peratus daripada penuntut Islam di universiti di Malaysia adalah wanita.

"Separuh daripada penduduk Islam di Malaysia adalah wanita, dan jika disekat peluang mereka untuk maju, maka masyarakat Islam akan lemah," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Baroness Uddin berkata beliau kagum dengan keharmonian yang wujud di kalangan penduduk pelbagai kaum di Malaysia, dan ini boleh menjadi contoh kepada dunia.

Sambil menyifatkan Dr Mahathir sebagai "warga global yang sebenarnya", beliau memuji Perdana Menteri kerana pendiriannya yang tegas mengenai

pembasmian kemiskinan dan dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun.

Dr Mahathir sebelum itu menemui Perdana Menteri Britain Tony Blair di 10 Downing Street untuk menyatakan pendirian Malaysia mengenai keganasan.

Esok, beliau akan pulang ke tanah air setelah menamatkan lawatan kerja lima harinya ke sini.

-- BERNAMA

ZO MAM MAI